

CNS0500

U GB 27-04 00151 BH156

bah

MAHATHIR MINTA PAMPASAN SEWAJAR UNTUK NEGARA MEMBANGUN

Mahathir - Pampasan

I

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata negara-negara membangun mesti diberi pampasan sewajarnya jika mereka tidak lagi boleh menebang pokok agar dunia dapat terus menikmati oksigen.

+Sekiranya demi kepentingan negara-negara kaya kita tidak lagi menebang pokok, mereka perlu membayar pampasan kepada kita kerana kehilangan hasil,+ katanya pada perasmian Persidangan Kedua Menteri-menteri Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di sini.

+Jika kita perlu memberikan khidmat untuk memenuhi keperluan oksigen dunia, bagi imbalan ekologi, kita mesti diberi pampasan yang sewajarnya.

+Jika tidak, benarkan kita mendapatkan hak kepada kekayaan hutan kita,+ kata Dr Mahathir.

Beliau berkata negara-negara maju tidak mempunyai hutan tropika tetapi dengan membabitkan isu alam sekitar, mereka mahu mengawal penebangan pokok di hutan negara-negara membangun. -- Lagi

▼27/04/18-14MST

CNS0514

U GB 27-04 00152 BH157

bah

Mahathir - Pampasan 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata Malaysia sedar mengenai peranan hutan tropika dalam menjamin imbalan alam sekitar.

Bagaimanapun, Malaysia juga sedar bahawa sebuah negara membangun amat memerlukan kekayaan daripada hasil hutan.

+Kita tidak menebang pokok kita dengan sewenang-wenangnya. Kita memerlukan ruang untuk hidup, kita perlu ruang untuk pertanian dan kita memerlukan wang daripada penjualan kayu-kayan kita,+ katanya.

Negara-negara maju, katanya, hanya pandai bercakap mengenai pampasan yang saksama tetapi apa yang telah mereka lakukan ialah melancarkan satu pemuliharaan ke atas kayu-kayan Malaysia, dengan memberi alasan bahawa jika mereka tidak membelinya, ia tidak akan ditebang.

+Ianya sangat mudah, hanya jika kita sanggup tidak mempedulikan ratusan ribu orang yang bergantung hidup kepada industri perkayuan, dan jika kita mampu tidak mengendahkan kehilangan hasil kerajaan yang membolehkan kita memberi subsidi dan membantu rakyat, terutama golongan miskin,+ kata Dr Mahathir. -- Lagi

▼27/04/18-22MST

CNS0516

U GB 27-04 00094 BH158

bah

Mahathir - Pampasan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

+Apa yang dilakukan oleh negara-negara maju ialah bukan sahaja untuk memelihara hutan tetapi juga membuat rakyat Malaysia terpaksa menanggung bebannya. Adakah ini adil?

+Tetapi penebangan pokok boleh dikurangkan tanpa membuat kita menanggung bebannya. Sekiranya negara maju boleh membayar dua kali ganda harganya, penebangan boleh dikurangkan separuh,+ katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa Malaysia boleh mengurangkan penebangan pokok tanpa kehilangan hasil jika negara-negara maju dapat menempatkan industri-industri pemprosesan yang dapat memberi nilai tambah ke sini. -- Bernama

▼27/04/18-25MST